

CNS0340

U GB 27-04 00164 BH149

bah

JANGAN GUNAKAN PENAN, KATA MAHATHIR KEPADA AKTIVIS
Mahathir - Penan

I

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberitahu golongan yang menggalakkan penggunaan kayu dari negara beriklim sederhana supaya menerima saingan daripada kayu tropika dan berhenti daripada menggunakan kaum Penan sebagai isu untuk kempen mereka.

+Jika perlu digalakkan penggunaan kayu beriklim sederhana, galakkanlah tetapi terimalah saingan oleh kayu tropika,+ katanya pada perasmian Persidangan Kedua Menteri-menteri Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan di Sini.

+Anda menyokong pasaran terbuka dan perdagangan bebas. Sekarang buktikanlah apa yang anda amalkan,+ katanya, merujuk kepada negara-negara maju yang sedang menjalankan satu kempen anti kayu tropika.

Dr Mahathir berkata paksaan perlu dihentikan dan kecenderungan untuk mengaitkan perdagangan serta bantuan kepada negara-negara membangun dengan isu-isu alam sekitar perlu dihentikan.

Perdana Menteri berkata apabila kempen kayu anti tropika tidak menarik perhatian yang diharapkan, penganjurnya mula mengaitkan isu kemanusiaan. -- Lagi

▼27/04/16-36MST

U GB 27-04 00124 BH150

bah

Mahathir - Penan 2 Kuala Lumpur

+Aktivis kayu anti tropika menggunakan kaum Penan untuk memperjuangkan kempen mereka bagi kayu beriklim sederhana.

+Dan dengan itu kaum Penan yang bersifat lemah lembut didorong menjadi militan untuk membantah, untuk mengadakan halangan dan menentang pihak berkuasa,+ katanya.

Beliau berkata kaum Penan, yang berjumlah kira-kira 10,000 orang di Sarawak, ialah kaum yang bersifat lemah lembut dan mematuhi undang-undang dan mereka pada asalnya merupakan kaum yang suka berpindah-randah serta menjadi pemburu.

Kira-kira 9,000 daripada mereka kini telah menetap di ladang-ladang atau telah bekerja makan gaji.

Dr Mahathir berkata sekiranya 1,000 orang yang masih tinggal di hutan memilih untuk tinggal di sana, kerajaan menghormati pilihan itu. -- Lagi

▼27/04/16-37MST

U GB 27-04 00062 BH151

bah

Mahathir - Penan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Bagaimanapun pilihan itu perlu dipertimbangkan dengan teliti.

+Pilihan itu tidak boleh dijadikan sebahagian daripada kempen kayu anti tropika di negara-negara maju,+ katanya.

Sebahagian aktivis kayu anti tropika telah berkempen untuk menghalang aktiviti pembalakan di Sarawak kononnya untuk menyelamatkan kaum Penan daripada +pupus+. -- Bernama

▼27/04/16-38MST